



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PELUKIS TINGKAT II (C.3-4 EB.5) JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PELUKIS TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Art and Design / Communication Design / Computer Graphic / Fine Art / Graphic Design / Illustration / Information Design Animation / Interior Design / Pertukangan Kayu dan Tangan / Seni Grafik / Seni Lukis / Seni Reka / Studio Set Construction / Studio Set Design atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pelukis Tingkat III dalam tangga gaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berkemahiran dan berkebolehan dalam menggunakan komputer dan perisian-perisian seperti *AutoCAD, Adobe Photoshop, Adobe Illustrator* dan *Autodesk 3ds Max*.
3. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang Seni Lukis / Grafik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

SECARA AM:

1. Membantu Pelukis Tingkat I dalam mengendalikan dan mengawas segala tugas yang bersangkutan dengan Seni Lukis / Grafik;
2. Menyediakan bahan-bahan grafik untuk kegunaan semasa membuat rakaman-rakaman video, profileman dan sebagainya;
3. Menyediakan lukisan grafik, ilustrasi dan *layout* yang kreatif untuk buku, kulit majalah, jurnal dan lain-lain bahan penerbitan;
4. Menyumbangkan tulisan kreatif atau non-kreatif untuk buku, majalah dan lain-lain bahan penerbitan;



5. Bertindak selaku penyelaras projek atau kegiatan seperti bengkel, seminar, symposium, diskusi, teater, pameran dan sebagainya; dan
6. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

1. Membantu Pegawai Adat Istiadat dan Jabatan dalam sama-sama menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan;
2. Mencipta, melukis dan mereka bentuk pemandangan bagi hiasan atau lukisan bagi kad jemputan, buku program, *leaflet*, poster dan sebagainya mengikut arahan dari semasa ke semasa;
3. Menyediakan dan melukis *Floor Plan*, *Isometric Drawing*, *Elevation Drawing*, *Construction Drawing*, *Model Set*, *Presentation*, *Details Drawing*, *Autocard*, *3D Dimension*, *Manual Drawing* atau *Perspective Drawing*;
4. Membuat rajah-rajah dan memberi nasihat mengenai skim warna kepada pihak berkenaan untuk lukisan pemandangan;
5. Bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan; dan
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.